

**PANTUN BRUNEI SABAH: ANALISIS
STILISTIK**

LOKMAN BIN ABDUL SAMAD

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN PENGIJAZAHAN
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH SENI
KREATIF**

**FAKULTI KEMANUSIAAN SENI DAN
WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2017**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **PANTUN BRUNEI SABAH: ANALISIS STILISTIK**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH (SENI KREATIF)**

Saya **LOKMAN BIN ABDUL SAMAD**, sesi Pengajian **2011-2016**, mengaku membenarkan tesis sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja,
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi,
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA rahsia 1972)

TERHAD


(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA rahsia 1972)

TIDAK TERHAD




LOKMAN BIN ABDUL SAMAD

Disahkan oleh, **NURULAIN BINTI ISMAIL**
LIBRARIAN


UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
(Tandatangan Pustakawan)


Tarikh: 10 Ogos 2017


(PM. DR. SIM CHEE CHIANG)
Penyelia

PENGAKUAN

Saya akui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri, kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya perelaskan sumbernya.

1 Ogos 2017



Lokman bin Abdul Samad
PY20119184



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN


NAMA : **LOKMAN BIN ABDUL SAMAD**
NOMBOR MATRIK : **PY20119184**
TAJUK : **PANTUN BRUNEI SABAH: ANALISIS STILISTIK**
IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH (SENI KREATIF)**
TARIKH VIVA : **6 JUN 2017**

DISAHKAN OLEH;

PENYELIA UTAMA


Prof. Madya Dr Sim Chee Chiang

Tandatangan


PROF. MADYA DR. SUSAN SIM CHEE CHEANG
TIMBALAN DEKAN PENYELIDIKAN, INOVASI & PASCASISWAZAH
FAKULTI KEMAMUSIAAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENYELIA BERSAMA

Profesor Dr. Ismail Ibrahim


PROF. DR. ISMAIL H. IBRAHIM
DEKAN
FAKULTI KEMAMUSIAAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Alhamdulillah saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana memberi kesihatan dan kekuatan untuk menyiapkan kajian ini. Tanpa rahmat dan kasih sayang daripada-Nya, saya tidak mungkin akan dapat ilham dan kesungguhan untuk menyudahkan kajian yang telah sekian lama tergendala. Saya sangat terhutang budi kepada ramai pihak dalam proses saya menyiapkan kajian ini. Ucapan terima kasih mungkin tidak cukup untuk saya menzahirkan rasa bertuah dan syukur kerana diberi bantuan oleh pelbagai pihak sepanjang kajian ini dilaksanakan. Tanpa bantuan dan kerjasama daripada mereka, saya fikir kajian ini akan tinggal sebagai data yang tidak akan dapat dikaji dan disebar. Pertama sekali saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada para informan yang telah memberikan saya pantun sebagai data dan mereka turut menterjemahkan pantun-pantun yang sukar difahami kerana bahasa yang agak klasik. Terdapat sebilangan besar informan kajian ini yang telah kembali kerahmatullah dan saya mendoakan semoga roh mereka dicucuri rahmat. Saya juga sangat terhutang budi kepada isteri saya yang sentiasa memberi galakan untuk saya menyiapkan kajian ini, rakan-rakan yang sering memberi dorongan termasuklah penyelia-penyelia saya. Budi kalian tidak akan dapat saya balas dengan wang ringgit dan akan saya kenang sampai bila-bila.

Lokman bin Abdul Samad
10 Jun 2017

ABSTRAK

Masyarakat Brunei di Sabah yang berasal dari Brunei Darussalam memiliki pantun yang masih dipelihara oleh sebahagian kecil masyarakatnya. Pantun yang dimiliki oleh orang Brunei hampir mirip dengan pantun masyarakat Melayu di Nusantara. Dewan Bahasa dan Pustaka setakat ini hanya mengumpulkan pantun Brunei, namun tiada kajian lengkap khasnya menggunakan teori stilistik. Kajian ini adalah kajian lapangan yang telah mengumpul sebanyak 295 rangkap pantun Brunei khususnya di Kota Kinabalu, Papar, Membakut dan Bongawan. Daerah dipilih merupakan lokasi penempatan masyarakat Brunei yang masih memelihara tradisi berpantun. Pantun-pantun dianalisis menggunakan teori stilistik untuk melihat gaya keindahan pengucapan, diksi dan kepelbagaian makna. Penerapan teori ini juga dilakukan bagi melihat fungsi penggunaan elemen linguistik dalam interpretasi pengucapan pantun dalam masyarakat tersebut. Kajian ini menemukan 120 pantun dalam kelompok kata nama, kata kerja, kata tugas dan kosa kata dialek yang terdapat dalam pantun Brunei. Penyimpangan terhadap makna dibataskan kepada gaya bahasa makna langsung atau tidak, gaya bahasa kiasan dan penggunaan gaya bahasa yang memperlihatkan struktur kalimat dalam 175 buah pantun. Penerapan teori stilistik terhadap pantun Brunei menemukan suatu bentuk keindahan eufemisme, gaya sindiran, disfemisme dalam bahasa masyarakat Brunei.

ABSTRACT

BRUNEIS 'PANTUN IN SABAH : A STYLISTIC STUDY

A small part of the Brunei community in Sabah that originated from Brunei Darussalam still preserve their pantun. There are similarities that can be found between the Brunei[ans] and Malays archipelago. Dewan Bahasa dan Pustaka so far only collecting Brunei pantun, but the research using stylistic are still not fully conducted. This research involved field work that consisted 295 collected pieces of Brunei[ans] pantun from several areas especially, Kota Kinabalu, Papar, Membakut and Bongawan. This area was picked because the community still preserved their pantun tradition. The pantun was analysed using stylistic to determine the beauty of speech style, diction and various meaning. This theory also applied to determine the usage function of linguistic element in pantun speech interpretation on the community. The research found 120 pantun in the group of noun, verb, task and dialect that are used in Brunei[ans] pantun. Violations of meaning is restricted to direct or indirect language style , simile and language style to view 175 pantun structure. The usage of stylistic in Brunei[ans] pantun found to reveal the beauty of euphemism, modesty and disfemisme in the Brunei[ans] language.

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	<i>vi</i>
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	3
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.6 Skop dan Batasan Kajian	8
1.6.1 Masyarakat Brunei	8
1.6.2 Binaan Pantun Brunei	11
1.7 Metodologi dan Kaedah Kajian	13

1.7.1	Kajian Lapangan	13
1.7.2	Transkripsi Teks	15
1.7.3	Kajian Perpustakaan	15
1.7.4	Kerangka Teori	16
1.8	Metodologi Kajian	18
1.9	Organisasi Bab	19

BAB 2 : SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	21
2.2	Pantun Melayu	21
2.3	Etnik dan Pantun Brunei	31
2.4	Kajian Kesusasteraan Menggunakan Stilistik	39
2.5	Penutup	45

BAB 3 : KERANGKA TEORITIKAL

3.1	Pengenalan	46
3.2	Sejarah Ringkas Stilistik	46
3.3	Stilistik Sebagai Teori Sastera	48
3.3.1	Deviasi dalam Stilistik	53
3.3.2	Stilistik dan Puitika	55
3.4	Diksi	57
3.5	Gaya Bahasa	59
3.5.1	Anotomasia	60
3.5.2	Asindenton	60
3.5.3	Epitet	60
3.5.4	Eponim	61

3.5.5	Eklamasi	61
3.5.6	Hiperbola	61
3.5.7	Klimaks	61
3.5.8	Metonimi	62
3.5.9	Metafora	62
3.5.10	Sarkasma dan Sinisma	64
3.5.11	Litotes	64
3.5.12	Paradoks	64
3.6	Penutup	65

BAB 4: DIKSI

4.1	Pengenalan	66
4.2	Diksi	66
4.2.1	Kata Nama	67
4.2.1.1	Kata Nama Am	68
4.2.1.2	Kata Nama Khas	69
4.2.1.3	Kata Nama Tempat	77
4.2.1.4	Kata Nama Institusi, Negara dan Pertubuhan	74
4.2.1.5	Kata Nama Haiwan	75
4.2.2	Kata Ganti Nama	77
4.2.3	Kata Kerja	83
4.2.4	Kata Sifat	88
4.2.5	Kata Tugas	91
4.2.5.1	Kata Hubung	91
4.2.5.2	Kata Sendi	96
4.3	Kosa Kata Dialek Masyarakat Brunei	98
4.4	Kata Erotis atau Vulgar	102
4.5	Penutup	104

BAB 5 : DEVIASI MAKNA

5.1	Pengenalan	105
5.2	Gaya Bahasa Berdasarkan Makna Tidak Langsung	105
5.2.1	Retoris	106
5.2.1.1	Eufemisme	106
5.2.1.2	Litotes	108
5.2.1.3	Disfemisme	111
5.2.1.4	Polisindenton	115
5.2.1.5	Asindenton	116
5.2.1.6	Hiperbola	118
	i. Hiperbola Unsur Fauna	119
	ii. Hiperbola Unsur Flora & Alam sekitar	120
5.2.1.7	Paradoks	122
5.2.2	Gaya Bahasa Kiasan	124
5.2.2.1	Metafora	125
5.2.2.2	Simile	128
5.2.2.3	Personifikasi	130
5.2.2.4	Dispersionifikasi	134
5.2.2.5	Sinekdoch	136
5.2.2.6	Metonimi	138
5.2.2.7	Eponim	139
5.2.2.8	Alusi	140
5.2.2.9	Ironi	146
5.2.2.10	Sarkasme	150
5.3	Penutup	154

BAB 6: GAYA BAHASA SEBAGAI STRUKTUR KALIMAT

6.1	Pengenalan	155
6.2	Gaya Bahasa Berdasarkan Struktur Kalimat	155
6.2.1	Paralelisme	156
6.2.2	Repitisi	159
6.2.3	Klimaks	163
6.2.4	Antitesis	164
6.2.5	Eklamasi	169
6.3	Penutup	171

BAB 7: CADANGAN DAN KESIMPULAN 172

BIBLIOGRAFI	177
LAMPIRAN	
GLOSARI	



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 1:	Jumlah Masyarakat Brunei di Sabah	34
Rajah 2:	Bentuk Bahasa Penyingkiran Kata Hubung	118



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Dokumentasi Pantun Brunei	193
Glosari	226



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Keunggulan sesuatu bangsa yang terbentuk daripada nilai-nilai budaya, yang diwarisi sejak berzaman lagi kerana budaya bukan statik tetapi dinamik, yang akhirnya mencerminkan keunikan dan keutuhan bangsa. Oleh hal yang demikian, ciri utama manusia bukan terletak pada fizik dan metafiziknya, melainkan terletak pada karyanya. Bahasa, seni, mitos, agama, sejarah dan ilmu pengetahuan serta pelbagai hasil kreativiti lain, secara keseluruhan yang dihasilkan dengan emosi dan kebijaksanaan adalah hasil peradaban manusia yang menjadi indikator terpenting membentuk identiti sesebuah bangsa. Kesedaran ini telah mendorong kajian terhadap pantun sebagai budaya rakyat atau biasa juga disebut tradisi lisan (*folklore*). Tradisi lisan bukan sahaja menjadi alat perantara atau komunikasi tetapi mampu mencerminkan kearifan lokal masyarakatnya. Selanjutnya, pengarang atau pengkarya yang merupakan masyarakat, karya atau pantun dan pembaca adalah tiga komponen yang menentukan keberadaan sastera atau tradisi lisan sebagai ilmu. Karya sastera yang terhasil daripada tradisi lisan hanyalah satu genre daripada sejumlah besar hasil peradaban manusia yang bertujuan memberikan pengetahuan dan kepuasan terhadap manusia dengan memanfaatkan aspek keindahan.

Orang Melayu kaya dengan pelbagai bentuk warisan puisi. Seloka, teka-teki, mantera, talibun, teromba, nazam dan pantun adalah antara warisan tradisi puisi Melayu yang amat bernilai dan harus dipelihara daripada pupus ditelan zaman. Tambahan lagi peningkatan teknologi yang berkembang pesat turut menjadikan tradisi puisi Melayu semakin kurang diberi perhatian generasi muda kerana dianggap sukar difahami, tidak popular dan tidak mendatangkan keuntungan komersial. Walaupun begitu, tidak semua tradisi ini pupus kerana masih ada yang digunakan dan masih popular dalam kehidupan masyarakat hari ini (Mohd Yusof Md. Nor, 1985). Antara tradisi berpuisi yang masih popular dan terus hidup ialah pantun.

Tradisi berpantun ini pada mulanya diperturunkan daripada satu generasi ke satu generasi melalui lisan dan kemudiannya beralih kepada tradisi tulisan sebelum hadir secara lebih maju dengan sistem cetakan. Za'ba (1953:164) menyatakan pantun adalah hak milik masyarakat Melayu. Menurut beliau, pantun inilah, "chara karangan yang betul-betul hak Melayu dari asal dan betul-betul mengandungi semangat Melayu. Tentu sahaja dengan berpandukan kenyataan Za'ba, kajian ini diusulkan bagi mencari bukti kewujudan tradisi pantun di Sabah khasnya dalam masyarakat Melayu Brunei (selepas ini digunakan Brunei).

Oleh kerana penghasil karya merupakan anggota masyarakat tertentu, maka maksud yang ingin disampaikan juga mengandungi makna kelas sosial yang diwakili pengarang atau penghasil karya. Oleh kerana itu, gaya bahasa yang digunakan berkait rapat dengan maksud, tujuan dan ciri-ciri personaliti anggota masyarakat yang menghasilkan karya. Karya atau tradisi lisan memiliki ilmu tersendiri, iaitu dunia kreatif imaginatif. Sesuai dengan hakikatnya, medium bahasa adalah struktur yang membangunkan dan digunakan sebagai alat utama bagi menyampaikan maksud dan bukan isinya. Dengan kata lain, karya sastera pada dasarnya adalah gaya (bahasa) itu sendiri sehingga di antara unsur-unsur yang membangun atau membentuk karya, gaya bahasa adalah unsur terpenting, khususnya puisi termasuklah pantun. Tanpa gaya bahasa, aspek estetika pantun tidak akan dapat dihayati dengan sebaiknya.

1.2 Latar Belakang Kajian

Negeri Sabah mempunyai pelbagai etnik dengan sejumlah ekspresi estetika pengucapan sastera lisan. Sebagai khazanah sastera, pengucapan seni demikian merupakan kaedah komunikasi yang digunakan untuk menyampaikan perasaan, kehendak dan kandungan pemikiran sesuatu bangsa berkenaan melalui tradisi lisan, iaitu pantun. Sifat pantun yang merupakan suatu bentuk sastera sejagat bangsa Melayu; suatu bentuk sastera yang popular terutama dalam sastera rakyat dari berbagai-bagai daerah Nusantara yang bukan hanya menjadi milik satu-satu negara sahaja, malah melangkau ke hampir seluruh dunia Melayu.

Etnik Brunei Sabah adalah satu kumpulan etnik peribumi Sabah yang merupakan pecahan daripada keturunan Melayu Brunei yang bermukim di Negara Brunei. Sebelum kerajaan Inggeris memerintah Sabah, negeri ini dikenali sebagai wilayah Borneo Utara yang pada masa itu merupakan jajahan takluk kesultanan Brunei. Oleh yang demikian, penghijrahan atau kependudukan bangsa Brunei di perairan pantai Barat Sabah yang menganjur dari Sipitang hingga ke Tuaran. Di Sabah, mereka dikelompokkan sebagai Melayu dan kini jumlah mereka telah mencecah hampir 366.7 ribu orang (Perangkaan 2009). Penempatan utama suku Melayu Brunei ialah di daerah Papar, Membakut, Sipitang, Kota Klias, Weston dan Bongawan. Sungguhpun mereka merupakan salah satu suku kaum terbesar di negeri Sabah, selepas Kadazandusun dan Bajau (jika diambil kira kategori rumpun Melayu Sabah, sehingga kini belum terdapat kajian komprehensif berkenaan sejarah dan sosiobudaya suku kaum ini.

1.3 Permasalahan Kajian

Pantun sebagai pengucapan tradisi lisan di negeri Sabah masih terlalu kurang diteliti kerana kebanyakan kajian pantun lebih menumpukan kepada kajian pantun Melayu yang ada di Semenanjung Malaysia (Harun Mat Piah, 1989: 2007). Pantun-pantun tersebut bukan setakat didokumentasikan tetapi dibukukan dan dikaji sebagai penelitian bagi melihat aspek keindahan dan pemikiran Melayu yang terkandung di dalamnya.

Perkara ini mungkin berkesinambungan daripada pendapat Francois Rene Daille (1988:53-54), seorang pengkaji pantun berasal dari Perancis yang pernah menyatakan bahawa pantun hanya terdapat di Semenanjung Tanah Melayu, sebahagian Sumatera dan gugusan kepulauan Riau Lingga. Persepsi beliau bersandarkan kenyataan Overbeck, iaitu "*...although this particular verse offers a structure and sound pattern very similar to those of the Malay pantun, there is no conclusive evidence of the existence of pantuns in the neighbouring areas at any time, neither with the Borneo Dayaks, says Overbecek nor in any part of the Philipppines*". Andaian umum berkenaan membayangkan bahawa gugusan kepulauan Borneo tidak memiliki tradisi berpantun.

Pantun sebenarnya ditemukan dalam masyarakat peribumi Sabah sebagai salah satu komponen dalam kepelbagaian etnik Borneo yang berada dalam lingkungan gugusan alam Melayu (Nusantara). Justeru itu, apabila membincangkan pantun Melayu, pantun-pantun di kepulauan Borneo sering dikesampingkan oleh para pengkaji. Hal demikian membayangkan seolah-olah pantun-pantun Sabah, Sarawak, Brunei dan Kalimantan berada di luar lingkungan kepulauan berbahasa Melayu yang disebutkan pengkaji sebelum ini. Harun Mat Piah (1989:88) mengelaskan pantun-pantun dari daerah terbabit sebagai kelas puisi sukuan, yang bermakna ia tidak dianggap sebagai sebuah genre dalam puisi Melayu atas sebab wujud perbezaan bahasa dan daerahnya serta persamaannya dengan genre puisi Melayu yang lainnya. Oleh itu, dalam kajian tersebut beliau langsung tidak menyentuh mengenai kewujudan pantun-pantun masyarakat Sabah seperti Brunei, Bajau, Iranun, Kadazandusun, Murut, Suluk, Sungai dan sebagainya. Sedangkan pada kajian beliau tersebut, terdapat perbincangan mengenai genre puisi yang terdapat dalam masyarakat Jawa, Batak, Sunda dan suku-suku lain di Indonesia (1989:42).

Oleh sebab bentuk pantun juga agak popular dalam masyarakat Sabah yang mempunyai lebih 41 kumpulan etnik, sudah pasti pantun dalam amalan masyarakat Sabah mempunyai pelbagai istilah, bentuk, tema dan fungsi yang tentunya bervariasi dengan kutipan pantun Semenanjung Malaysia sebagaimana yang telah dikemukakan oleh Harun Mat Piah sebelum ini. Secara tidak langsung, pengkajian terhadap pantun Sabah juga memerlukan satu bentuk klasifikasi genre dan fungsi yang turut melibatkan kajian pengumpulan dan pendokumentasian.

Terdapat kajian beberapa sarjana terhadap puisi lisan etnik di Sabah dan sebahagian besar penelitian kajian menjurus kepada sastera rakyat etnik seperti Dusun dan Bajau. Kajian terhadap puisi lisan peribumi seperti Isun-isun Bajau dilakukan oleh Saidatul (2006, 2015), Sundait atau teka-teki Dusun oleh Lokman (2001; 2004), Jonatan Kadok (2012), Rosliah Kiting (2016), pantun atau badaob dalam masyarakat Bisaya di Sabah (Lokman, 2002) dan pantun perkahwinan Kokos dilakukan oleh Isa Romtie (2016).

Perkara ini memperlihatkan bahawa wujud lebih banyak ruang kosong dalam penyediaan data dan maklumat tradisi lisan masyarakat Brunei di Sabah lebih-lebih lagi berhubung pemaparan maklumat genre pantun sebagai sastera rakyat yang terkenal di Nusantara. Justeru, kajian ini diusahakan bagi membuktikan bahawa Sabah sebagai entiti yang terangkum dalam kepulauan Borneo juga mempunyai tradisi berpantun khususnya dalam masyarakat Melayu Brunei.

Mengambil kira pantun sebagai genre puisi tradisional Melayu yang tinggi nilai estetika, kajian terhadap tradisi berpantun bagi masyarakat Melayu di negeri Sabah wajar dilakukan, diperhalusi untuk disebarluaskan memandangkan etnik Brunei di negeri Sabah termasuk Melayu Nusantara yang turut menjadikan pantun sebagai wadah pemikiran mereka.

Dalam erti kata yang lain, bagi memahami pola fikir dan cara hidup orang-orang Melayu Brunei, sewajarnya pantun diangkat sebagai cermin yang mampu menggambarkan citra atau pemikiran. Demikianlah penegasan Winstedt (1961:iii) berhubung pantun sebagai cerminan penuturnya, "...seseorang itu tidak dapat menduga aliran fikiran orang-orang Melayu kalau tidak memahami pantunnya." Pantun merupakan puisi tradisi yang tidak tertulis, tanpa diketahui nama penciptanya. Walaupun demikian, pantun masih dituturkan dalam masyarakat pada masa kini, terutama digunakan dalam majlis-majlis rasmi seperti pertunangan dan perkahwinan. Sebagai medium pengucapan yang dilahirkan oleh masyarakat tradisi khususnya, pantun harus ditinjau berdasarkan norma, nilai serta keperibadian masyarakat yang melahirkannya. Oleh hal yang demikian, bagi mengetahui dan mengenali puisi tradisi, mereka hendaklah mengenal kebudayaan dan masyarakat berkenaan terbabit terlebih dahulu, iaitu tentang kehidupan, lingkungan alam, kepercayaan dan adat istiadat masyarakat berkenaan. Sehubungan itu, kajian ini berusaha untuk mengetengahkan salah satu puisi tradisi yang menjadi milik masyarakat bumiputera Sabah, iaitu pantun.

Sesungguhnya maklumat bertulis berhubung puisi lisan Sabah khususnya pantun agak sukar untuk dirujuk, malah negeri Sabah agak terkebelakang jika dibandingkan dengan Sarawak dalam usaha melestarikan tradisi lisan. Budaya

mukun atau bermukun adalah apresiasi pantun Sarawak yang telah menjadi identiti negeri tersebut. Mukun sudah disebar luaskan seluruh dunia disebabkan tingginya sokongan kerajaan, ahli akademik dan persatuan suku kaum di Sarawak. Kurangnya minat dan kesedaran serta tiada inisiatif dalam perancangan strategik seperti penyediaan dana penelitian dalam kalangan persatuan masyarakat Melayu Brunei di Sabah, menjadikan tradisi pantun semakin tenggelam dan hilang, dilupakan khususnya dalam lingkungan generasi muda.

Satu perkara lain yang turut menjadi perkara penting adalah berkenaan pendekatan yang perlu digunakan untuk mengkaji pantun. Mohammad Fadzeli Jaafar menyebutkan dalam kajian beliau bahawa teks sastera adalah bahan terbaik untuk memperlihatkan bahasa tertentu, yang seragam sifatnya (2015: 51). Meneliti teks sastera menjadikan seseorang dapat mengkaji aspek gaya secara terperinci dan sistematik tentang bagaimana pengarang lebih cenderung memilih sesebuah gaya berbanding yang lain. Perkara ini juga ditambah oleh Leech & Short (1991) bahawa:

A text, whether consider as a whole work or as an extra from a work, is the nearest we can get to a homogeneous and specific use of language, It is therefore the natural starting place for the study of style, In a text we can study style in more detail, and worth more systematic attention to what words or structure are chosen in preference to other.

Sehubungan itu juga Mohammad Fadzeli bersetuju dengan pendapat Short (1990), menyatakan bahawa novel merupakan genre sastera yang paling sukar dianalisis menggunakan teori linguistik kerana sifatnya yang panjang, kompleks dari segi struktur ayatnya yang rencam. Oleh hal yang demikian, kajian hanya boleh dilakukan dengan segmen-segmen tertentu. Perkara ini menjelaskan bahawa walaupun kajian tentang gaya bahasa novel agak sukar, namun kajian terhadap novel dan puisi moden paling diminati pengkaji berbanding kajian terhadap pantun. Perkara ini dikaitkan dengan kenyataan bahawa stilistik adalah ilmu berkaitan gaya bahasa pengarang. Rentetan daripada itu, kajian terhadap pantun atau karya sastera tradisional agak janggal kerana penciptaan pantun adalah bersifat kolektif dan bukan bersifat individu. Perkara ini menjadi satu perkara yang perlu dibuktikan bahawa kajian stilistik terhadap pantun dapat dilakukan bagi

melihat bentuk gaya bahasa masyarakat yang melahirkan dan sekali gus mentafsirkan inti pemikiran mereka.

1.4 Objektif kajian

Berdasarkan permasalahan kajian tersebut, objektif kajian ini adalah bertujuan untuk:

1. Memperjelas dan menganalisis penggunaan gaya bahasa pantun Melayu Brunei menggunakan teori stilistik.
2. Menganalisis keindahan gaya bahasa pantun Brunei, khasnya diksi sebagai unsur utama dalam wacana pantun.
3. Menganalisis fungsi pantun dalam masyarakat Brunei menerusi stail pengucapannya.
4. Meneliti sama ada teori stilistik boleh digunakan untuk menganalisis pantun Brunei.

1.5 Kepentingan kajian

Kajian ini secara keseluruhannya adalah kajian terhadap pantun Brunei di Sabah dengan tinjauan terhadap unsur gaya bahasa yang terpancar melalui analisis isi atau (*content analysis*). Sungguhpun kajian terhadap pantun agak banyak dilakukan tetapi penggunaan pantun Sabah khususnya pantun Brunei sebagai data kajian masih lagi agak kurang maklumat berkenaannya. Kajian ini bukan hanya mendokumentasi pantun Brunei yang semakin dilupakan oleh generasi muda malah, kajian ini berupaya mengenal pasti struktur dan gaya pengucapan pantun di Brunei di negeri Sabah.

Oleh sebab perbincangan mengenai pantun lazimnya menggunakan pantun yang dikutip dan dikumpulkan dari semenanjung Malaysia, kajian ini berupaya menjadi bukti bahawa masyarakat Brunei turut memiliki pantun yang mirip dengan pantun yang ada di Semenanjung Malaysia. Perkara ini dapat membuktikan bahawa hujah sarjana sebelum ini bahawa pantun hanya terdapat di semenanjung Malaysia, sebahagian Sumatera dan gugusan kepulauan Riau Lingga adalah kurang tepat. Sebagai genre asli ciptaan peribumi Melayu, sudah tentu luasnya sebaran pantun di seluruh dunia hingga ke Perancis, agak sesuatu yang tidak munasabah apabila pantun tidak dijumpai di kepulauan Borneo khususnya di Sabah.

Ketiga, kajian ini mampu menganalisis sebarang unsur keistimewaan di antara pantun Melayu Brunei Sabah dengan pantun-pantun lain di kawasan Nusantara. Keempat, kajian ini merupakan satu ikhtiar bagi menambah dan memperbanyakkan penulisan ilmiah dalam bidang berkenaan. Secara umum pengetahuan masyarakat di luar Sabah berkenaan genre pantun di negeri ini adalah amat minimum. Kajian ini diharapkan dapat menyumbangkan sesuatu kepada pengetahuan umum berhubung genre pantun sebagai tradisi lisan Melayu yang hampir pupus masih terdapat di hujung hayat masyarakat tua penutur pantun di negeri Sabah.

Akhir sekali, kajian ini boleh dilihat sebagai satu usaha penyerlahan dan penonjolan sastera rakyat Sabah, khususnya genre pantun yang terkenal di Nusantara. Secara tidak langsung penyerlahan bentuk pantun Sabah, diharapkan dapat menambah koleksi pantun Nusantara yang sudah banyak dikumpul dan dibukukan. Menerusi kajian ini juga diharapkan dapat menunjukkan bahawa masyarakat Nusantara mempunyai variasi pantun yang pelbagai dengan negeri Sabah turut berperanan sebagai wadah pelengkap tradisi lisan Melayu.

1.6 Skop dan Batasan kajian

Oleh kerana kajian pantun ini adalah menjurus kepada pantun yang dihasilkan oleh masyarakat Brunei di negeri Sabah, kajian dibataskan kepada pantun yang dihasilkan oleh etnik Brunei yang mendiami kawasan pantai Barat Sabah khususnya di Kota Kinabalu, Papar, Kimanis, Membakut dan Bongawan. Kawasan-kawasan terbabit merupakan tempat tinggal masyarakat Brunei, dengan majoritinya beragama Islam dengan mengamalkan kepercayaan dan cara hidup yang hampir sama. Oleh kerana banyaknya data yang telah dikumpul kajian ini hanya akan memfokuskan dan membataskan kajian sebanyak 20-30 pantun bagi setiap daerah.

1.6.1 Masyarakat Brunei

Masyarakat Melayu Brunei ialah salah satu etnik daripada lebih 41 etnik yang ada di negeri Sabah dan dianggap sebagai kumpulan minoriti. Orang Brunei beragama Islam dan bertutur dalam bahasa Melayu dialek Brunei. 'Orang Brunei' dan 'Melayu Brunei' seringkali menjadi perkataan yang menimbulkan kekeliruan dan persoalan

identiti bagi setiap individu etnik Brunei di Sabah. Keadaan ini menjadi demikian disebabkan semangat ingin mengekalkan kegemilangan kesultanan Brunei yang masih kekal dalam jiwa mereka dan juga semangat untuk membentuk identiti sendiri di negeri Sabah sebagai etnik yang cuba untuk memisahkan diri daripada susur galur dari negara Brunei Darussalam. 'Orang Brunei' digunakan sebagai motif memberikan pengenalan identiti diri kepada etnik lain dan dalam erti kata lain, suku kaum Brunei ini lebih selesa jika mereka dirujuk sebagai 'Orang Brunei (Bruneis). Perkara ini disetujui oleh Heyward seperti berikut:

"In North Borneo, most Malays are Brunei Origin are usually known as Bruneis".¹

Perkataan 'Melayu Brunei' selalunya digunakan secara meluas dalam penulisan. Khoo Kay Kim (1981: 11) turut mengkategorikan suku kaum Brunei sebagai 'Malay Origin' seperti berikut:

"in the provinces of Kimanis, Benoni and Papar, on the North East Coast and as far as Gaya Bay, the inhabitants the village on the rivers and near the sea-shore are principally of Malay origin..."

Awang Mohd Jamil Al-Sufri, seorang tokoh sejarawan Brunei, telah memperkenalkan label etnik 'Brunei Sabah' pada tahun 1991, melalui satu simposium anjuran Persatuan Melayu Brunei Sabah di bandar Kota Kinabalu.

Jika orang Brunei memberi gelaran Orang Dusun kepada kaum Dusun dan orang Bisai kepada orang Bisaya, orang Brunei turut mendapat gelaran daripada kaum peribumi Sabah. Orang Brunei digelar sebagai 'Orang Abai' atau "Orang Tanjung" oleh suku kaum Dusun dan Bisaya. Di dalam bahasa Dusun, perkataan "Abai" berasal dari kata dasar 'Tabai' yang bermaksud 'Tanjung' (Osman Tahir, 1997: 56). Gelaran ini telah wujud sejak sebelum kedatangan British Chartered Company lagi. Menurut Treacher (1890:64):

'by the aboriginal tribes of Borneo, The Brunei people are always spoken of as Orang Abai, or Abai Men, but though I have often enquired both of the aborigines and of the Brunei themselves, I have not been able to obtain any explanation of the term, nor of its derivation'

¹ Nigel, Heyward, Ibid hlm., 56

Hal ini disebabkan kebanyakan bukti mengatakan bahawa tradisi penempatan suku kaum Brunei adalah di Pesisir Pantai dan muara sungai, termasuk tanjung-tanjung yang terdapat di Teluk Brunei dan Teluk Kimanis di sepanjang Pantai Barat Sabah. Namun gelaran tersebut telah hilang disebabkan generasi baru kini telah membina perkampungan di darat (hulu sungai).

Kenyataan tersebut menggambarkan bahawa penduduk asal kawasan yang dinyatakan tersebut adalah orang Brunei dan mereka tidak mahu di label sebagai pendatang. Segelintir orang Brunei berpendapat bahawa diri mereka adalah Melayu dengan mengatakan bahawa mereka berasal dari Semenanjung Malaysia. Namun, sesetengah daripada mereka tidak lagi menganggap diri mereka sebagai Melayu atau Brunei sebaliknya mereka lebih senang dikenali sebagai orang Brunei (Temu bual Pengiran Hj. Abd Rahman, 2012).

Tidak kurang orang Brunei yang telah berkahwin dengan etnik lain di negeri Sabah seperti Bajau dan Dusun. Pertembungan kebudayaan dan hidup dalam kelompok etnik yang berbeza bukan sahaja mewujudkan asimilasi kaum malah akulturasi dan amalgasi turut berlaku dalam masyarakat Brunei dengan etnik lain di Sabah.

Secara umumnya, kebanyakan masyarakat Melayu Brunei mendiami daerah Pantai Barat Sabah yang menganjur daripada daerah Sipitang, Weston, Menumbok, Kuala Penyu, Kota Klias, Membakut, Bongawan, Kimanis, Benoni, Papar hinggalah ke daerah Tuaran (RidzwanHashim, 1993: 22). Demikian juga dengan Pulau Labuan yang kini ramai diduduki oleh orang Brunei selain orang Kedayan. Daerah-daerah Pantai Barat tersebut sangat sinonim kerana kedudukan hanya dipisahkan oleh Teluk Brunei. Kedudukan tersebut memberi kelebihan kepada masyarakat Melayu Brunei berulang-alik sama ada untuk berniaga atau menziarahi saudara-mara. Menurut L.W Jones (1966: 28) orang Brunei sering kali berulang alik untuk memasarkan komoditi seperti sayur-sayuran, buah-buahan, kuih-muih kering, kain dan sebagainya. Situasi ini dikatakan masih berterusan dengan ketara sebelum Perang Dunia Kedua. Sungguhpun demikian, terdapat juga sekumpulan kecil orang Brunei yang mendiami kawasan-kawasan yang lebih jauh